

Kursus Pemantapan Akidah dan Ibadah Negeri Pahang Peringkat Daerah Cameron Highlands Tahun 2023



Cameron Highlands, 27 Februari 2023 - Bahagian Rujukan Fatwa Jabatan Mufti Negeri Pahang telah menganjurkan Kursus Pemantapan Akidah dan Ibadah Negeri Pahang Peringkat Daerah Cameron Highlands Tahun 2023 pada hari ini.

Tujuan diadakan kursus ini adalah bagi Menjalinkan hubungan ukhawah dan persaudaraan antara Jabatan Mufti Negeri Pahang, Pejabat Agama Islam Daerah Cameron Highlands serta penjawat awam Daerah Cameron Highlands bagi memberi kefahaman dan pendedahan kepada para peserta yang hadir mengenai akidah dan ibadah merupakan teras terpenting dalam pembentukan jati diri seorang muslim.

Pengisian kursus ini telah dibentangkan oleh Al-Fadhil Ustaz Dr. Hasbullah Bin Mohammad Timbalan Pengarah, Masjid Sultan Haji Ahmad Shah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuantan Pahang Darul Makmur (Panel Penulis Khutbah Negeri Pahang) dengan tajuk Pemantapan Akidah Dan Penghayatan Ibadah serta Bacaan Wirid Dan Zikir Selepas Solat oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Pahang YH Dato' Sri Dr. Haji Abdul Rahman Bin Haji Osman, SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP., PKC.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada peserta yang telah terlibat seramai 100 orang yang sudi hadir ke program ini. Kami juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada yang turut memberi kerjasama daripada Pejabat Agama Islam Daerah Cameron Highlands.